

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

STW311 - Dasar dan Perancangan Sosial

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SOALAN 1 di Bahagian A dan DUA (2) soalan yang lain di Bahagian B.

Bahagian A

Soalan ini wajib dijawab.

1. (a) Nyatakan satu isu sosial yang penting/mendesak di Malaysia sekarang ini yang anda fikir memerlukan dasar khusus bersabitnya.
(b) Berdasarkan isu yang anda telah pilih, nyatakan dasar sosial yang anda akan gubalkan.
(c) Terangkan dengan ringkas sebab dasar itu diperlukan.
(d) Berikan tujuan dan matlamat dasar itu.
(e) Huraikan ciri-ciri penting dasar tersebut (termasuk program dan strategi)

(100 markah)

...2/-

Bahagian B

Pilih DUA (2) soalan sahaja.

2. Analisa dasar merupakan satu disiplin tersendiri yang perlu diketahui.
 - (a) Apakah kefahaman anda mengenai analisa dasar?
 - (b) Jelaskan dengan ringkas (4-5 ayat) setiap lima model yang digunakan untuk analisa dasar.
 - (c) Pilih satu model dan huraikan kekuatan dan kelemahannya.

(100 markah)
3. Dasar sosial sebagai praktis dan proses memerlukan kemahiran-kemahiran.
 - (a) Huraikan kemahiran-kemahiran yang diperlui.
 - (b) Bandingkan kemahiran tersebut dengan kemahiran dalam bidang Kerja Sosial.

(100 markah)
4.
 - (a) Apakah yang dimaksudkan dengan perancangan berpenyertaan?
 - (b) Sebutkan tujuannya.
 - (c) Apakah masalah atau halangan bagi pelaksanaan perancangan berpenyertaan di Malaysia?

(100 markah)
5. Pilih satu model perancangan sosial yang telah ditinjau dalam kelas.
 - (a) Beri penjelasan ringkas atas model tersebut.
 - (b) Huraikan kebaikan dan keburukan model ini.

(100 markah)